



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN KENINGAU**

Tingkat 2, Rumah Persekutuan
Beg Berkunci No. 5
89008 Keningau
Sabah

Tel : 087 - 331 245 / 339 960
Faks : 087 - 330 449
Laman Web : www.anm.gov.my/index.php/utama-keningau

Rujukan : JANM/KNGAU/600-6/2/1 (01)
Tarikh : 10 Disember 2021

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Kawasan Keningau, Tenom, Tambunan Dan Pensiangan

Tuan/Puan

**SEMAKAN STATUS TERKINI LAPORAN AKAUN PUKAL YANG DIPERTANGGUNGKAN DI
SISTEM iGFMAS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan ini sedang membuat semakan status akaun pukal semua PTJ berdasarkan Laporan Akaun Pukal Yang Dipertanggungkan PTJ tuan/puan yang dijana daripada Sistem iGFMAS. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan pembayaran yang tidak tepat atau tidak dikenali dicaj ke vot tuan/puan.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan/puan dipohon untuk menyemak semua butiran dan status akaun pukal masing-masing yang disenaraikan di **Lampiran A** dan kembalikan kepada Jabatan ini **selewat-lewatnya 7 Januari 2022 (Jumaat)**. Sebarang tindakan pengemaskinian atau pembatalan perlu dibuat berdasarkan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 7/2018 Lampiran D: Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran Pukal.


4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung dengan pegawai Unit Pengurusan Dana di talian 087-331245.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,


(MIRNAWATI SYARIPUDDIN C.A (M), CPA (Aust.))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Keningau